

[Next: Imposition of Levy](#) >

#### 1) **Kewajipan Untuk Mengisytiharkan Kerja Pembinaan**

Setiap kontraktor dikehendaki mengisytiharkan dan mengemukakan kepada CIDB, mengikut cara yang ditetapkan oleh CIDB, **apa-apa kontrak kerja pembinaan yang telah diawardkan kepadanya.**

#### 2) **Definisi "Kontraktor"**

Kontraktor merupakan seseorang yang menjalankan atau menyiapkan atau mengaku janji untuk menjalankan atau menyiapkan apa-apa kerja pembinaan. Mana-mana orang yang telah di awardkan atau telah menyempurnakan apa-apa kontrak bagi kerja pembinaan, atau telah mengaku janji untuk menjalankan, menguruskan atau menyiapkan apa-apa kerja pembinaan, atau telah menjalankan, menguruskan atau menyiapkan apa-apa kerja pembinaan adalah disifatkan sebagai seorang kontraktor melainkan jika dibuktikan sebaliknya.

#### 3) **Definisi "Kerja Pembinaan"**

Kerja pembinaan merujuk kepada pembinaan, penyambungan, pemasangan, pembaikan, penyenggaraan, pembaharuan, pemindahan, pengubahsuaian, perubahan, perombakan atau perobohan:

- i. mana-mana bangunan, binaan, bangunan besar, struktur, dinding, pagar atau cerobong sama ada dibina keseluruhannya atau sebahagiannya di atas atau di bawah paras bumi;
- ii. mana-mana jalan, kerja pelabuhan, landasan kereta api, laluan kabel, terusan atau padang terbang;
- iii. mana-mana saluran, tali air atau kerja pengawalan sungai;
- iv. apa-apa kerja elektrik, mekanikal, air, gas, petrokimia atau telekomunikasi; atau
- v. mana-mana jambatan, jejambat, empangan, takungan, kerja tanah, talian paip, salur najis, akueduk, pembentung, pemacu, syaf, terowong atau kerja penebusgunaan, dan termasuklah:-  
apa-apa kerja yang membentuk bahagian yang penting dan integral atau adalah persediaan atau sementara bagi kerja-kerja yang diperihalkan dalam perenggan (I) hingga (V), termasuklah pembersihan tapak, penyelidikan dan pembaikan tanah, pemindahan tanah, penggalian, peletakan batu asas, pemulihan dan landskap tapak; atau pemerolehan bahan binaan, kelengkapan atau pekerja yang semestinya bagi mana-mana kerja yang diperihalkan dalam perenggan (I) hingga (V).

#### 4) **Jumlah Kontrak**

Jumlah kontrak berhubung dengan sesuatu projek pembinaan ialah jumlah nilai semua kerja, bekalan dan perkhidmatan untuk membuat dan menjadikan kerja pembinaan dalam projek pembinaan itu berfungsi sepenuhnya meliputi item-item berikut:

- i. Kos pemerolehan bahan, kelengkapan, pekerja;
- ii. Kos peralatan, mesin dan perabot yang dipasang yang dibeli di dalam negara atau di luar negara;
- iii. Kos pengurusan projek;
- iv. Kos pembiayaan projek (Financial Costs);
- v. Wang Kos Prima;
- vi. Wang Peruntukan Sementara;
- vii. Pengurusan Fasiliti (Facility Management);
- viii. Yuran Ikhtisas (Professional Fees);
- ix. Kos apa-apa kerja yang membentuk bahagian yang penting atau adalah persediaan atau sementara bagi kontrak kerja yang dilaksanakan; dan
- x. Apa-apa cukai yang terkandung di dalam kontrak

#### 5) **Pengisytiharan dianggap benar**

Segala pengisytiharan kerja pembinaan yang dibuat melalui sistem CIMS dianggap benar. Pemilik dan Pengarah syarikat akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pengisytiharan yang dibuat dan boleh dikenakan apa-apa tindakan sekiranya CIDB mendapati terdapat sebarang kesalahan di dalam pengisytiharan tersebut.

#### 6) **Dokumen Pengisytiharan**

Pengisytiharan apa-apa kerja pembinaan hendaklah disertakan dokumen yang mengandungi butir-butir penuh berkenaan dengan penyempurnaan kerja pembinaan tersebut melalui dokumen dokumen berikut:

- i. Surat Penerimaan/ Surat Award (Letter of Award); atau
- ii. Kontrak yang ditandatangani kedua-dua pihak; atau
- iii. Apa-apa dokumen yang berkaitan dengan penerimaan atau penyempurnaan kontrak atas kerja pembinaan

Contoh dokumen pengisytiharan kerja pembinaan adalah seperti berikut:

- i. Surat penerimaan atau surat award daripada klien; atau
- ii. Dokumen kontrak yang ditandatangani; atau

- iii. Insuran Contractor's All Risk (CAR); atau
- iv. Butir-butir dan maklumat berkenaan dengan balasan berhubung dengan penyempurnaan apa-apa kontrak ke atas apa-apa kerja pembinaan yang terkandung dalam apa-apa dokumen berkaitan.
- v. Akuan Berkanun

#### 7) Tempoh Masa Pengisytiharan Kerja Pembinaan

Kontraktor dikehendaki mengisytiharkan dan memaklumkan kepada CIDB apa-apa kerja pembinaan dalam tempoh 14 hari selepas diawardkan kontrak kerja pembinaan atau 14 hari sebelum melaksanakan kerja pembinaa, mana-mana yang terdahulu.

#### 8) Kaedah Untuk Mengisytiharkan Kerja Pembinaan

Kontraktor dikehendaki mengisytiharkan kerja pembinaan secara atas talian sepenuhnya melalui Sistem CIMS (<https://cims.cidb.gov.my>) dan mengemukakan bersama dokumen sokongan seperti yang dinyatakan pada para 6. Sebarang pengisytiharan yang diterima secara manual adalah dianggap tidak sah

Share   

**Next:** [Imposition of Levy](#) >

## Agencies under the Ministry of Works



CIDB Careline  
1300 88 CIDB (2432)

[Enquiries](#) | [CIDB Intranet](#) | [Disclaimer](#) | [Security Policy](#) | [Privacy Policy](#) | [Sitemap](#)



Last Updated 20 Nov 2020 Visitor Counter 92029907

©2020 Construction Industry Development Board

Best viewed The latest browsers of Internet Explorer, Mozilla Firefox and Google Chrome.